

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KANSER SERVIKS: 45,313 WANITA DI SARAWAK JALANI SARINGAN HPV DNA - NANCY		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/bfokus/news.php?id=2387038	BERNAMA.COM	
	https://www.theborneopost.com/2025/01/27/minister-sarawak-still-among-states-with-highest-cervical-cancer-rates-in-malaysia/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/cervical-cancer-45313-women-in-sarawak-undergo-hpv-dna-screening-BP13582416	THESUN.MY	
	https://www.sarawaktribune.com/hpv-screening-helps-prevent-cancer-nancy-tells-women/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2387067	BERNAMA.COM	
	https://www.sarawaktribune.com/kg-santubong-pilot-project-in-cervical-cancer-fight/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/01/27/kanser-serviks-di-malaysia-menurun/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=bGYK7dtci6I	YOUTUBE	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/27/kampung-santubong-dipilih-sebagai-projek-perintis-laksana-usaha-perangi-kanser-serviks	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.suarakeadilan.my/post/rm13-5-juta-program-saringan-barah-pangkal-rahim-lppkn	SUARAKEADILAN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	HANYA 13 DARIPADA 560 ANAK ANGGOTA GISBH MASIH MENGHUNI INSTITUSI JKM		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1181068/hanya-13-daripada-560-anak-anggota-gisbh-masih-menghuni-institusi-jkm	HMETRO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/01/27/gisbh-ahli-keluarga-sudah-dihubungi-untuk-mengambil-balik-anak/	TVSARAWAK.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-gisbh-enam-kanak-kanak-diserahkan-kepada-penjaga-tujuh-di-jkm	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1354282/13-daripada-560-anak-anggota-gisbh-masih-menghuni-institusi-jkm	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/27/ahli-keluarga-bekas-anggota-gisbh-yang-belum-tuntut-anak-mereka-sudah-hubungi	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/01/27/13-children-rescued-from-gisbh-linked-homes-yet-to-be-claimed/	FREEMALAYSATODAY.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/op-global-13-kanak-kanak-diselamatkan-masih-menghuni-institusi-jkm/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/27/tukar-fikiran-dipercayai-punca-ibu-bapa-tidak-tuntut-anak-bekas-gisbh/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	TINGKAT KESEDARAN ISU HAID		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/WM/2025/01/1180900/tingkat-kesedaran-isu-haid	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	11 KANAK-KANAK GISBH BELUM DIKENAL PASTI IBU BAPA		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/11-kanak-kanak-gisbh-belum-dikenal-pasti-ibu-bapa/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/27/ibu-bapa-11-anak-gisbh-belum-dikenal-pasti/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/709549/edisi/selangor-kl/ibu-bapa-11-kanak-kanak-gisbh-belum-dikenal-pasti#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SELANGOR SEDIA BANTU ANAK BEKAS PENGIKUT GISBH BELAJAR DI SEKOLAH KERAJAAN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1354371/selangor-sedia-bantu-anak-bekas-pengikut-gisbh-belajar-di-sekolah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2025/01/27/selangor-sedia-beri-bantuan-pada-anak-bekas-gisbh-untuk-masuk-ke-sekolah-kerajaan/	THERAKYATPOST.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	8,000 PENDUDUK TERJEJAS BANJIR DI DAERAH TATAU DIBANTU		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/27/800-0-penduduk-terjejas-banjir-di-daerah-tatau-dibantu	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	MEMUTUSKAN KITARAN KEGANASAN SIFAT PANAS BARAN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/memutuskan-kitaran-keganasan-sifat-panas-baran	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/732936	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/awani-pagi-seni-mengawal-emosi-langkah-atasi-panas-baran-x9d2t6c	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	KEMAS JALANKAN KAJIAN MENYELURUH KEPERLUAN NAIK TARAF, BAIK PULIH TABIKA		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kemas-jalankan-kajian-menyeluruh-keperluan-naik-taraf-baik-pulih-tabika-506244	ASTROAWANI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	POLIS KESAN SUAMI TAMPAR ISTERI		NEGATIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-kesan-suami-tampar-isteri-506162	ASTROAWANI.COM	
	https://siakapkei.my/2025/01/27/polis-kesan-suami-lempang-isteri/	SIAKAPKEI.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/709473/berita/semasa/polis-kesan-lelaki-tampar-isteri-di-pusat-beli-belah#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/01/27/suami-lempang-isteri-di-pusat-beli-belah-dirakam-video-live-polis-buru-pelaku	MSTAR.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/video-isteri-ditampar-suami-polis-jejak-pelaku-mangsa/	UTUSAN.COM.MY	
	https://siakapkei.my/2025/01/27/polis-kesan-suami-lempang-isteri	SIAKAPKEI.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1354129/polis-cari-suami-tampar-isteri-di-kompleks-beli-belah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1180920/polis-cari-lelaki-tampar-isteri-dekat-pusat-beli-belah	HMETRO.COM.MY	
	https://thevocket.com/suami-baran-lempang-isteri-di-khalayak-ramai-terakam-di-dalam-live/	THEVOCKET.COM	
	https://ohmedia.my/ohtidak/penjual-kereta-sedang-live-tak-sengaja-terakam-suami-lempang-isteri-depan-orang-ramai/	OHMEDIA.MY	
	https://www.mstar.com.my/xpose/famili/2025/01/27/jangan-tengok-biarkan-sahaja-ini-4-cara-bantu-mangsa-keganasan-rumah-tangga	MSTAR.COM.MY	
	https://lobakmerah.com/tular-rakaman-lelaki-tmpar-isteri-dalam-live-polis-terima-laporan-dari-adik-mangsa/	LOBAKMERAH.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PENGAIT SAWIT DIPENJARA 5 TAHUN KERANA CABUL PELAJAR		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pengait-sawit-dipenjara-5-tahun-kerana-cabul-pelajar/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1354317/cabul-pelajar-di-gelanggang-bola-keranjang-pengait-sawit-dipenjara-5	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	JENAZAH BAYI DISOROK DALAM BEG SUDAH DITUNTUT KELUARGA – POLIS		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/27/jenazah-bayi-disorok-dalam-beg-sudah-dituntut-keluarga-polis/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/709598/berita/semasa/sorok-mayat-bayi-dalam-beg-polis-mohon-lanjut-reman-pasangan-kekasih	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/sembunyi-kelahiran-sebabkan-kematian-bayi-polis-mohon-sambung-reman-pasangan-kekasih/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	PENGANGGUR DIDENDA RM3,500 RAKAM VIDEO WANITA TUKAR PAKAIAN		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/709539/berita/semasa/penganggur-didenda-rm3500-rakam-video-wanita-tukar-pakaian	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	NANCY: S'WAK AMONG STATES WITH HIGHEST CERVICAL CANCER RATES		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	28 JAN 2025	M/SURAT :	01
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Nancy: S'wak among states with highest cervical cancer rates



Galileo Petingi

galileopetingi@theborneopost.com

KUCHING: Sarawak remains among the states in Malaysia recording the highest cervical cancer rates, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister said 3,037 out of 45,313 women screened in Sarawak tested positive for human papillomavirus (HPV).

However, she also said there were more cases in the state that were able to be prevented, thanks to early detection.

The federal minister added that based on the National

Cancer Report, cervical cancer had dropped from being the third most common cancer among women in Malaysia, to becoming sixth between 2017 and 2021.

"It is the only cancer among women that recorded a decline in incidence. Between 2019 and 2024, through the HPV DNA screening programme, of the total 162,581 women screened, 10,582 positive HPV cases were detected.

"There were 135 pre-cancer cases being identified, and 17 positive cancer cases were treated," she said at the 2025 National Cervical Cancer Awareness Month event here yesterday.

Nancy said with Kampung Santubong chosen for the pilot project, it was discovered that of the 790 women aged 30 to 65 in the village, only 132 had

undergone screening.

"Our target is to screen at least 300 women each year in the village, and within two years, we hope to screen all eligible women. This effort is hoped to serve as an example for other states to focus on high-risk localities," added the Santubong MP.

Nancy pointed out that as an effort to further prevent the disease, her ministry in collaboration with the National Population and Family Development Board (LPPKN) would be providing free HPV DNA screenings to women aged 30 to 65 at 50 Klinik Nur Sejahtera clinics nationwide.

"This initiative serves as a golden opportunity for all the eligible women to take proactive steps in safeguarding their health," she said.



Nancy (front centre) joins others in promoting the 2025 National Cervical Cancer Awareness Month programme. — Photos by Mohd Faisal Ahmad

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 45,313 WANITA DI SARAWAK JALANI UJIAN HPV DNA KESAN KANSER SERVIKS, 2019-2024

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 28 JAN 2025

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

45,313 wanita di Sarawak jalani ujian HPV DNA kesan kanser serviks, 2019-2024

KUCHING: Seramai 45,313 wanita di seluruh Sarawak telah menjalani ujian saringan virus papiloma manusia (HPV) DNA bagi mengesan kanser pangkal rahim atau serviks dari 2019 hingga 2024.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata daripada jumlah itu, sebanyak 3,037 kes positif HPV telah dikesan.

“Walaupun hanya 3,037 kes positif HPV dilaporkan, kita berjaya mencegah lebih banyak kes menjadi kanser menerusi usaha pengesanan awal. Ini adalah bukti jelas bahawa usaha kita memberikan impak.

“Kita mahu setiap wanita sedar bahawa kanser serviks boleh dicegah dan dirawat, terutama dengan pengesanan awal melalui teknologi perubatan yang semakin maju,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan Tahun 2025 di sini, semalam.

Nancy menegaskan bahawa kanser serviks sering dipanggil sebagai ‘pembunuh senyap’ kerana jarang menunjukkan gejala pada peringkat awal.

Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 katanya, sebanyak 65 peratus wanita berumur 20 tahun ke atas tidak menjalani saringan

kanser serviks dalam tiga tahun terakhir.

Antara alasan utama ujarannya, ramai wanita merasakan diri mereka sihat daripada sebarang penyakit, tidak mengalami sebarang gejala dan terikat dengan kekangan masa.

“Namun pada hakikatnya, gejala tidak semestinya menjadi penanda aras untuk kesihatan. Ujian HPV DNA mampu mengesan jangkitan sehingga 10 tahun sebelum ia berubah menjadi kanser.

“Dengan teknologi terkini, kita boleh mengesan risiko lebih awal dan mengambil tindakan segera,” ujarnya.

Sehubungan itu, Nancy gembira berkongsi perkembangan positif di Malaysia, di mana laporan Kanser Kebangsaan menunjukkan penurunan insiden kanser serviks dari tangga ketiga ke tangga keenam antara kanser wanita bagi tempoh 2017 hingga 2021.

“Lebih membanggakan, kanser serviks merupakan satu-satunya kanser dalam kalangan wanita yang mencatatkan penurunan insiden ini,” katanya.

Untuk rekod, seramai 162,581 wanita di seluruh Malaysia telah menjalani saringan dari tahun 2019 hingga 2024.

Daripada jumlah itu, 10,582 kes positif HPV dikesan, 135 kes prakanser dikenal pasti dan 17 kes positif kanser telah dirawat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	AHLI KELUARGA BEKAS ANGGOTA GISBH YANG BELUM TUNTUT ANAK MEREKA SUDAH HUBUNGI		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	28 JAN 2025	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Ahli keluarga bekas anggota GISBH yang belum tuntutan anak mereka sudah hubungi

KUCHING: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri memaklumkan bahawa beliau sudah menghubungi ahli keluarga kepada bekas anggota GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) yang belum menuntut untuk mengambil anak mereka.

Menurut beliau, pada mulanya ahli keluarga atau ibu bapa kepada bekas anggota GISBH mahu mengambil balik anak-anak mereka namun ada yang mengubah fikiran pada saat akhir.

“Mula-mula memang ibu bapa mahu mengambil anak

mereka, namun tidak tahu, selepas itu mereka berubah fikiran, mungkin hendak mengambil tindakan undang-undang terhadap kita. Tetapi itu hak mereka.

“Cuma bagi saya, kalau anak itu sudah boleh diambil, ambillah. Anda sepatutnya memberi keutamaan dalam menjaga anak sendiri. Tetapi kita tidak dapat memaksa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Majlis Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan Tahun 2025 di sini, semalam.

Sementara itu Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata, setakat ini seramai 13 orang kanak-kanak termasuk enam di bawah perintah mahkamah berada dalam jagaan institusi JKJ.

Manakala katanya, 11 lagi diserahkan kepada Orang Yang Layak Sesuai (OYLS).

“Sebenarnya apabila kita minta keluarga mengambil balik anak-anak mereka, kita beritahu perintah-perintah yang kita minta sebagai tambahan. Kita hanya beritahu syarat-syarat yang pada kita,

menjaga kepentingan anak-anak,” ujarnya.

Antara syarat itu, kata Che Murad adalah, ibu bapa diminta untuk mengemas kini alamat tempat tinggal sekiranya terdapat perubahan bagi tujuan pengawasan terhadap anak-anak mereka.

“Kedua, kita mahu memastikan ibu bapa berkenaan memberi pendidikan sewajarnya kepada anak-anak, selain kita mahu ibu bapa hadir ke JKJ berhampiran untuk kita mengawasi keadaan anak-anak.

“Peraturan yang ditetapkan

kan mudah untuk diikuti... kita tidak bertindak untuk menganayai sesiapa, hanya untuk menjaga kepentingan anak-anak tersebut,” jelasnya.

Pada 23 Januari lalu, Bernama melaporkan seramai 80 daripada 560 anak-anak bekas anggota GISBH masih belum dituntut ibu bapa mereka.

Nancy berkata, seramai 475 lagi sudah diserahkan kepada keluarga mereka mengikut Seksyen 30 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 manakala lima lagi diserahkan kepada OYLS mengikut akta sama.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	KAMPUNG SANTUBONG DIPILIH SEBAGAI PROJEK PERINTIS LAKSANA USAHA PERANGI KANSER SERVIKS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	28 JAN 2025	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Kampung Santubong dipilih sebagai projek perintis laksana usaha perangi kanser serviks

KUCHING: Kampung Santubong dipilih sebagai projek perintis bagi melaksanakan usaha memerangi kanser pangkal rahim atau serviks dalam kalangan wanita di Sarawak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, kampung itu dipilih kerana kawasannya yang kecil, memudahkan pelaksanaan ujian saringan virus papiloma manusia (HPV) DNA.

“Kampung Santubong digunakan sebagai lokasi untuk menilai keberkesanan projek ini.

“Daripada 790 wanita berusia 30 hingga 65 tahun di kawasan tersebut, seramai 132 orang telah menjalani ujian saringan HPV,” katanya ketika ditemui media selepas merasmikan Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan Tahun 2025 di sini, semalam.

Sehubungan itu, Nancy menggesa lebih ramai wanita tampil menjalani ujian HPV DNA kerana kanser serviks merupakan satu-satunya jenis kanser yang boleh dicegah dan dirawat jika dikesan lebih awal.

“Bekas pesakit kanser serviks adalah bukti bahawa penyakit ini boleh dicegah dan dirawat, asalkan dikesan pada peringkat awal,” katanya.

Terdahulu, Nancy dalam ucapannya memberitahu menteriannya menyasarkan untuk menyaring sekurang-kurangnya 300 wanita setiap tahun di Kampung Santubong.

“(Dan) dalam tempoh dua tahun, kita berharap dapat menyaring kesemua wanita yang layak.

“Usaha ini diharap menjadi contoh kepada negeri-negeri lain untuk menumpukan perhatian kepada lokaliti berisiko tinggi,” katanya.



UNTUK ALBUM: Nancy bersama tetamu kehormat lain merakam kenangan pada Majlis Perasmian Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan Tahun 2025 di Kuching semalam.

— Gambar Mohd Faisal Ahmad

Dalam pada itu, beliau berkata, Kementerian akan mempergiat usaha dengan menawarkan saringan HPV DNA secara percuma kepada wanita berumur 30 hingga 65 tahun di 50 Klinik Nur

Sejahtera di seluruh Malaysia pada tahun ini.

“Ini peluang besar untuk semua wanita yang layak mengambil langkah proaktif dalam menjaga kesihatan mereka. Langkah kecil ini

mampu menyelamatkan nyawa.

“Jangan tunggu sehingga ada gejala, pengesanan awal adalah kunci untuk mencegah risiko lebih besar pada masa depan,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : HANYA TINGGAL 13 ANAK AHLI GISBH HUNI INSTITUSI JKM

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 JAN 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Hanya tinggal 13 anak ahli GISBH huni institusi JKM

Kuching: Sebahagian ibu bapa mengubah fikiran dipercayai selepas menerima nasihat pihak tertentu hingga mereka bapa membatalkan hasrat menuntut semula anak bekas anggota GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) yang masih dalam jagaan di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata ketika ini hanya 13 daripada 560 kanak-kanak terbabit yang belum dituntut ibu bapa mereka.

Enam daripada mereka diperintahkan mahkamah untuk terus tinggal di institusi JKM mengikut Seksyen 30(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001, manakala tujuh lagi menerima perintah interim di institusi.

"Kita sebenarnya sudah menghubungi ibu bapa untuk hadir ke mahkamah bagi menandatangani dokumen penyerahan semula kanak-kanak berkenaan.

"Pada mulanya, mereka berminat. Tetapi selepas itu, mereka tiba-tiba berubah fikiran, tidak jadi ambil anak

mereka dan mungkin ia atas nasihat pihak tertentu yang mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap kita," katanya selepas Perasmian Program Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan Tahun 2025, di sini, semalam.

Nancy berkata, pegawai kementerian meminta ibu bapa atau penjaga menuntut anak berkenaan dengan hadir ke mahkamah untuk proses penyerahan.

"Ketika proses di mahkamah, kita akan bacakan syarat utama, iaitu mahukan mereka menjaga kepentingan kanak-kanak itu dan meminta mereka memberikan alamat. Jika tukar alamat, harus maklumkan kepada kami kerana alamat itu perlu untuk membolehkan kami sentiasa memantau keadaan kanak-kanak itu.

"Mereka juga harus memberikan pendidikan formal yang sewajarnya ke



Nancy Shukri

pada kanak-kanak itu dan dalam tempoh tiga bulan mereka harus hadir ke pejabat JKM berhampiran untuk kami memantau kanak-kanak itu," katanya.

Nancy berkata, dengan baki 13 kanak-kanak yang masih

tinggal di lima institusi JKM, seramai 536 daripada 560 kanak-kanak sudah diserahkan kepada keluarga mengikut Seksyen 30(1)(a), manakala yang diserahkan kepada Orang Yang Layak dan Sesuai mengikut Akta Kanak-Kanak adalah 11 orang.

Sementara itu, mengenai kanser serviks kalangan wanita di negara ini, Nancy berkata, menurut laporan Kanser Kebangsaan, penyakit itu kini menurun dari tangga ketiga ke tangga keenam dalam kalangan kanser wanita antara 2017-2021.

Katanya, kanser serviks satu-satunya kanser dalam kalangan wanita yang mencatatkan penurunan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	NANCY: 13 GISBH CHILDREN REMAIN UNCLAIMED AFTER OP GLOBAL		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	28 JAN 2025	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Nancy fields questions from reporters. — Photo by Mohd Faisal Ahmad

Nancy: 13 GISBH children remain unclaimed after Op Global

KUCHING: Thirteen children out of the 560 who were rescued under Op Global, which involved GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) members, remain unclaimed and are currently placed in institutions managed by the Welfare Department (JKM), says Datuk Seri Nancy Shukri.

The Women, Family and Community Development Minister also says six of the children are placed at the institution under Section 30(1)(d) of the Child Act 2001, while the other seven are under interim orders.

"We have contacted their

parents to attend court to sign the documents for the return of their children.

"At first, they were interested, however, they changed their minds and decided not to take their children back, possibly following advice from certain parties planning legal action against us," she said.

The Santubong MP said this when met by reporters after officiating at the 2025 National Cervical Cancer Awareness Month programme held here yesterday.

Moreover, she revealed that 536 children had been returned

to their families, and 11 had been placed under the care of Fit and Proper Persons (OYLS).

Meanwhile, JKM director Datuk Che Murad Sayang Ramjan said parents wishing to claim their respective children must follow several conditions.

"The parents must provide their home address; the children must be given formal education; and the parents are to report to the department within a year for the close monitoring of the children.

"The parents must also attend court proceedings during the

handover process, during which the conditions will be read out, and then they will need to sign an agreement before the handover," he said.

Che Murad added that these measures were done to protect the children's welfare.

Nancy said 475 children had been returned to their families under Section 30(1)(a) of the Child Act 2001, while five had been placed under OYLS in accordance with the same act.

Previously, it was reported that 80 children of former GISBH members had not been claimed by their parents.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 13 ANAK ANGGOTA GISBH MASIH DALAM JAGAAN JKM

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JAN 2025

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

13 anak anggota GISBH masih dalam jagaan JKM

Kuching: Berubah fikiran saat akhir selepas dipercayai menerima nasihat pihak tertentu dikenal pasti mendorong ibu bapa membatalkan hasrat untuk menuntut semula anak bekas anggota GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) yang kini masih dalam jagaan di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ketika ini hanya 13 daripada 560 kanak-kanak terbabit yang belum dituntut ibu bapa mereka.

Menurutnya, enam daripada mereka diperintahkan mahkamah untuk

terus tinggal di institusi JKM mengikut Seksyen 30(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001, manakala tujuh orang lagi menerima perintah interim di institusi itu.

“Kami sebenarnya sudah menghubungi ibu bapa untuk hadir ke mahkamah bagi menandatangani dokumen penyerahan semula kanak-kanak itu dan pada mulanya mereka berm minat.

“Tetapi, selepas itu mereka tiba-tiba berubah fikiran, tidak jadi mengambil anak mereka dan mungkin ia atas nasihat pihak tertentu yang mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap kami,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tingkat kesedaran isu haid

NurNazwa Alya Azman
rencana@hmetro.com.my



NORAINI (tudung merah) menyampaikan kit kebersihan kepada pelajar asrama dari Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK).

Global Relief Team (GRT), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Pertubuhan Kebajikan Mohd Chan, Masjid Wilayah dan OKU Sentral melancarkan Kempen CODE RED di Masjid Wilayah Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kempen terbabit adalah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu haid, memartabatkan wanita dan memperkukuhkan kesihatan mental dalam masyarakat.

Pelancaran kempen terbabit disempurnakan Timbalan Menteri dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Dr Noraini Ahmad, Ketua Aktivistik dan Pengerusi PPIM, Toqqi @ Nadzim Johan serta Pengasas Pertubuhan Kebajikan Mohd Chan, Datuk Mohd Chan.

Manakala sesi perkongsian pula dilakukan Senator (B), Pengasas OKU Sentral, Datuk Dr Ras Adiba Radzi, Pensyarah Kanan Sosiologi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Fatimah Al Attas dan Felo Penyelidik Kanan Dalam Kesihatan Global, Universiti City St George, London, Dr Farah Seadat.

Dalam ucapannya, Dr Noraini berkata masalah kemiskinan haid dapat dibahagikan kepada tiga peringkat utama.



RAS Adiba

Menurutnya, pertama ialah kos produk berkaitan haid yang menjadi halangan besar bagi ramai wanita dan remaja perempuan akibat kekangan kewangan.

"Mereka tidak mampu membeli produk asas seperti tuala wanita atau tampon, yang membawa kepada ketidaksesuaian penjagaan kebersihan diri. "Kedua, kekurangan pendidikan kesedaran, di mana ramai yang tidak mendapat maklumat tepat tentang penjagaan kebersihan semasa haid, sekali gus meningkatkan risiko terhadap kesihatan mereka.

"Manakala ketiga, malu, stigma, dan pantang larang, yang menyebabkan wanita berasa terasing dan enggan berbicara tentang keperluan mereka kerana sikap negatif masyarakat terhadap isu haid.

"Maka, adalah menjadi harapan saya untuk Kempen CODERED ini mampu memberi pendidikan tentang kepentingan penjagaan kebersihan haid," katanya.

Selain itu, bagi menghapuskan stigma sedia ada hari ini melalui dialog terbuka dan inklusif serta memastikan akses kepada produk kebersihan haid untuk golongan yang memerlukan.



(Dari kanan) Mohd Chan, Toqqi @ Nadzim Johan, Noraini dan Shaheed Ur Rehman mendengar perkongsian ketika majlis berlangsung.

Sementara itu menurut satu kenyataan GRT, kempen itu turut mendorong penyediaan platform untuk berkongsi pengalaman tanpa rasa malu dan meningkatkan akses kepada kaunseling serta sokongan psikologi.

Kempen berkenaan juga adalah gerakan untuk perubahan dengan sokongan daripada masyarakat, sektor kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan (NGO).

"Ia juga bertujuan untuk membina masyarakat yang lebih prihatin, inklusif dan bermaruah.

"Menerusi kesedaran, pendidikan dan tindakan kolektif, kempen ini diyakini dapat mencapai matlamat untuk memperkasakan wanita dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan," katanya.

Disiarkan pada: Januari 27, 2025 @ 6:46am

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11 kanak-kanak GISBH belum dikenal pasti ibu bapa



MOHAMMAD Fahmi Ngah ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 Menteri Besar Selangor dekat Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di Shah Alam, Selangor, hari ini. - UTUSAN / FARIZ RUSADIO

Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS 27 Januari 2025, 1:49 pm

SHAH ALAM: Seramai 11 orang kanak-kanak Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) di Selangor yang diletakkan di bawah jagaan sementara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) masih belum dikenal pasti ibu bapanya.

Exco Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi Selangor, Dr. Mohammad Fahmi Ngah berkata, usaha mengesan waris sedang giat dilakukan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) supaya mereka dapat pulang ke pangkuan keluarga masing-masing.

"Seramai 200 kanak-kanak sudah pun pulang ke pangkuan keluarga masing-masing kira-kira tiga minggu lepas dan kita ada senarai nama keluarga berkenaan.

"11 lagi pula akan tamat hak penjagaan mereka pada hujung Januari ini. JKJ (Jabatan Kebajikan Masyarakat) ada kuasa untuk memohon kepada mahkamah untuk dapatkan hak penjagaan mereka bagi dua bulan lagi," katanya ketika ditemui pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 Menteri Besar Selangor, hari ini.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, Mahkamah Kanak-Kanak mengenakan sembilan syarat yang diletakkan di bawah bon tanpa cagaran sebanyak RM500 sebagai jaminan untuk membebaskan kanak-kanak GISBH.

Seramai 41 kanak-kanak dibawa bagi menghadiri prosiding sebutan semula berhubung perintah hak jagaan sementara (IPO) terhadap 41 kanak-kanak berusia lima hingga 16 tahun yang dijaga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada Khamis lalu.

Kemudian lebih 40 lagi kanak-kanak yang dikenakan IPO sebelum ini dibawa dalam prosiding sama pada keesokan harinya.

Mahkamah Kanak-Kanak mengenakan sembilan syarat yang diletakkan di bawah bon tanpa cagaran sebanyak RM500 sebagai jaminan untuk membebaskan kanak-kanak terbabit.

Jelas Mohammad Fahmi, kerajaan negeri mencadangkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk memberikan bantuan zakat kepada anak dan bekas ahli GISBH menggunakan dana riqab.

"Dana riqab ialah elaun bulanan dengan mereka perlu menghadiri ke program pemulihan. Kita akan beri elaun itu secara bulanan untuk pastikan mereka hadir ke program tersebut.

"Kalau bagi sekali, kita khuatir mereka tidak akan hadir ke program ini jika dipanggil," jelasnya.

Katanya lagi, pihaknya juga akan meminta LZS memberikan hasil zakat asnaf kepada kumpulan itu untuk memulakan kehidupan baharu. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Selangor sedia bantu anak bekas pengikut GISBH belajar di sekolah kerajaan

Oleh Ruwaida Md Zain - Januari 27, 2025 @ 4:26pm
bhnews@bh.com.my



Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama Islam Selangor, Dr Mohammad Fahmi Ngah

SHAH ALAM: Kerajaan negeri akan memberi bantuan persekolahan sewajarnya kepada anak bekas kakitangan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) yang akan dimasukkan ke sekolah kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama Islam negeri, Dr Mohammad Fahmi Ngah, berkata bantuan itu sebagai langkah menyokong persekolahan kanak-kanak berkenaan yang sebelum ini hanya mendapat pendidikan secara tidak formal.

"Ada permohonan daripada pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) supaya 200 anak yang sudah selesai menjalani pemulihan ini masuk ke sekolah kebangsaan.

"Kerajaan negeri bersetuju memberikan bantuan persekolahan kepada mereka seperti anak yang lain, insya-Allah kita akan bekalkan secara peribadi kepada setiap anak.

"Setakat ini, belum ada peruntukan khusus (bantuan sekolah) tetapi kita juga menerima tawaran daripada penyumbang luar yang hendak bantu, kita tetapkan mungkin dalam RM200 untuk setiap anak yang bakal bersekolah nanti," katanya ketika mengulas perkembangan terkini kanak-kanak GISBH berkenaan.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 dan Pelancaran Penjenamaan Kita Selangor oleh Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari di sini, hari ini.

Mohammad Fahmi berkata, berdasarkan laporan diterima kerajaan negeri, sepanjang tempoh pemulihan, kanak-kanak berkenaan pintar membaca, menulis dan mengira.

"Bagi anak orang kurang upaya (OKU) yang jumlahnya tidak ramai, mereka boleh dimasukkan di sekolah kebangsaan (SK) seperti disyaratkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya.

Mengulas bantuan asnaf Riqab kepada bekas ahli GISBH yang dipulihkan seperti titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, beliau berkata, Lembaga Zakat Selangor (LZS) wajar memberi peruntukan itu kepada mereka terbabit.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



8,000 penduduk terjejas banjir di daerah Tatau dibantu

© Januari 27, 2025, Isnin - 3:56pm



John Sikie (tiga kiri) menyampaikan bantuan kepada mangsa terjejas banjir di PPS Rumah Steven Jeli di Tatau hari ini.

BINTULU: Sekitar 8,000 penduduk di lima kawasan utama dalam daerah Tatau iaitu Penyarai, Kakus, Nanga Tau, Muput dan Ulu Anap yang terputus hubungan dengan dunia luar akibat banjir besar yang melanda akan dibantu, kata Menteri di Jabatan Premier Sarawak Dato Sri John Sikie Tayai.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kakus berkata, perancangan penghantaran bekalan makanan bagi kawasan terputus hubungan dirancang menggunakan helikopter Unit Udara Bomba yang dijangka bermula esok yang melibatkan sekitar 100 penempatan.

"Operasi penghantaran makanan yang diselenggarakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JKPD) Tatau dengan kerjasama agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tatau Sebauh ini bermula sejak dua hari lepas," jelasnya semasa mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Rumah Steven Jeli di Tatau hari ini.

Setakat ini katanya, sebanyak 572 pek makanan disalurkan kepada kesemua mangsa terjejas dan ia akan diteruskan ke kawasan lain yang terjejas akibat bencana berkenaan dari semasa ke semasa.

"Bagi kawasan yang terjejas namun masih belum mendapat bantuan makanan saya berharap penduduk bersabar kerana kita memerlukan sedikit masa lagi," ujarnya.

Beliau berkata bantuan bekalan makanan yang tidak dapat dihantar melalui jalan raya dan sungai akan dihantar menggunakan perhidmatan udara oleh bomba yang juga bergantung kepada keadaan cuaca.

Selain itu katanya, beliau berharap setiap rumah panjang yang telah diwartakan sebagai PPS dicadangkan dibina sebuah dewan demi kesejahteraan penduduk yang dipindahkan.

"Saya akan mengemukakan cadangan ini melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS)," ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Memutuskan kitaran keganasan sifat panas baran

Kolumnis - Dicipta: 27 Januari 2025 09:40 AM - Kemas kini: 27 Januari 2025 09:49 AM



Foto hiasan/RTM

SAUDARAPENGARANG

Baru-baru ini, kita digemparkan dengan satu insiden seorang lelaki Orang Kurang Upaya (OKU) telah dimalukan, ditendang di bahagian kepala, dan dilemparkan mi goreng di khalayak ramai. Persoalan yang mungkin bermain di minda kita semua: Di manakah akhlak, budi bahasa, belas dan empati mereka yang terlibat dalam mencemuh, mengaib dan memalukan individu tersebut?

Walaupun individu tersebut mungkin hilang percaturan pada awal tindakannya, namun adakah tendangan, cacian dan penghinaan itu mencerminkan nilai-nilai yang ingin diterapkan dalam jiwa? Di manakah nilai-nilai murni dan adab individu terlibat dalam perlakuan tersebut?

Sikap yang ditunjukkan ini kemungkinan besar berpunca daripada emosi panas baran dan mudah hilang kawalan dalam sesuatu tindakan. Panas baran merujuk kepada sikap seseorang, terlalu mudah marah dan melenting. Individu yang panas baran sering melafazkan tutur kata kasar dan menunjukkan tingkah laku agresif.

Kerap kali masyarakat dihidangkan dengan laporan berita berkaitan pergaduhan atau salah faham yang berpunca daripada panas baran. Istilah 'darah panas' atau panas baran ini merujuk kepada ketidakupayaan mengawal emosi semasa marah. Individu sebegini sangat sensitif; baru dicuit bahu sudah hendak marah, baru bercakap sedikit sudah menarik muka.

Walaupun ada yang tidak mengekspresikan kemarahan mereka melalui teriakan atau makian, namun reaksi mereka jelas menunjukkan sifat seorang yang pamarah. Kemarahan ini juga sering diluahkan dalam bentuk perlakuan kasar atau cacian terhadap orang lain.

Selain kes OKU tersebut, pernah dilaporkan satu kejadian melibatkan seorang penganggur mencederakan isterinya dengan sebilah pisau. Kejadian ini berpunca daripada sikap suka melenting dan 'naik tangan' terhadap pasangan. Berdasarkan pemerhatian, sebenarnya banyak kes kehancuran rumah tangga berpunca daripada sikap panas baran, malah ada kes tragis yang turut berakhir dengan kematian.

Akar permasalahan sikap agresif dan panas baran ini sering berkait dengan kesihatan mental yang tidak stabil. Kesukaran mengawal emosi dan tekanan hidup boleh mencetuskan tingkah laku agresif yang merugikan diri sendiri dan memberi kesan kepada ahli keluarga serta masyarakat sekeliling.

Sebenarnya, perlakuan panas baran boleh diwarisi melalui pembelajaran sosial anak-anak yang membesar dalam keluarga panas baran. Anak-anak lebih cenderung meniru perlakuan tersebut. Dalam teori tingkah laku, ia dipanggil 'modeling'.

Walaupun pada mulanya mereka berasa takut, lama-kelamaan mereka menjadi terikut-ikut. Ini menghasilkan kitaran keganasan atau 'vicious cycle', di mana percubaan menyelesaikan satu masalah mewujudkan masalah baharu yang membawa kita kembali kepada situasi asal.

Elak panas baran kuasai diri

Dalam menangani permasalahan ini, pendekatan holistik amat diperlukan. Intervensi psikologi, sokongan kesihatan mental dan bantuan kaunselor atau pakar profesional adalah sangat penting.

Usaha pencegahan juga memainkan peranan utama dalam memberikan pemahaman yang lebih baik tentang keperibadian diri dan tahap kesihatan mental. Justeru, teknik 3R boleh menjadi panduan yang berkesan.

Teknik 3R ('retract', 'rethink' dan 'respond') sebenarnya mampu membantu mengawal perasaan dengan lebih baik. **'Retract'** bermaksud berundur seketika daripada punca kemarahan, memberi ruang untuk mendapatkan jarak emosi dan mengelakkan tindakan impulsif. **'Rethink'** pula bermakna berfikir semula tentang isu sebenar dan mencari penyelesaian efektif. Akhir sekali, **'respond'** merujuk kepada gaya bertindak yang lebih waras dan terkawal.

Prinsip 90-10 juga boleh diamalkan, di mana 90 peratus adalah keadaan boleh dikawal, manakala 10 peratus adalah di luar kawalan kita. Kita perlu mendidik diri untuk sentiasa berfikir positif. Sebelum bertindak, pertimbangkan sama ada perkara tersebut berada dalam kawalan kita atau tidak.

Dalam kes OKU tersebut, sekiranya ia di luar kawalan, ia tergolong dalam 10 peratus perkara yang tidak boleh dikawal. Lebih baik bermuhasabah diri dan memahami punca sebelum bertindak melulu.

Lawan kepada sifat panas baran adalah penyayang. Oleh itu, amat penting untuk kita memupuk kelembutan dan kasih sayang dalam diri. Dalam ajaran Islam, *"Apabila salah seorang daripada kamu marah, dan ketika itu ia dalam keadaan berdiri, maka hendaklah ia duduk, kerana hal itu akan menghilangkan marahnya. Dan kalau tidak, maka hendaklah ia berbaring."* (Riwayat Muslim)

Diharapkan saranan langkah-langkah holistik ini dapat mengatasi sikap panas baran melampau, sekali gus memutuskan kitaran keganasan yang boleh membahayakan generasi akan datang.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Prof. Madya Dr. Azmawaty Mohamad Nor

Timbalan Dekan Ijazah Dasar/Anggota Lembaga Kaunselor Malaysia
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KEMAS KAJI NAIK TARAF, BAIK PULIH 10,616 TABIKA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 28 JAN 2025

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

KEMAS kaji naik taraf, baik pulih 10,616 tabika



Kajian dilakukan KEMAS untuk pastikan pendidikan awal kanak-kanak terutama di luar bandar menjadi lebih teratur dan terjamin. (Foto fail NSTP)

Putrajaya: Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sedang menjalankan kajian menyeluruh berhubung keperluan menaik taraf dan baik pulih 10,616 kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (tabika) kendaliannya di seluruh negara.

Kajian itu selaras dengan arahan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi supaya satu Memorandum Jemaah Menteri mengenai perkara itu disediakan.

Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Mohd Hanafiah Man, berkata pihaknya sedang menyediakan laporan komprehensif yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada kerja fizikal, tetapi mengambil kira aspek dasar.

Katanya, ia termasuk isu pemilikan tanah, status bangunan yang digunakan secara menumpang, terutama bangunan awam seperti balai raya, serta kaedah perolehan bangunan komersial yang sesuai untuk dijadikan pre-

mis tabika.

"Kita mahu penyelesaian secara menyeluruh dapat dicadangkan bagi memastikan pendidikan awal kanak-kanak khususnya di luar bandar lebih teratur dan terjamin," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Mohd Hanafiah berkata, bagi kawasan pedalaman, penyediaan tenaga elektrik dan sumber air perlu diberi perhatian.

Katanya, keputusan kerajaan mengenai penggunaan panel solar, tangki tadahan hujan atau air bawah tanah juga wajar dikaji dengan teliti bagi memastikan keperluan asas ini dapat di-

penuhi secara berkesan. "KEMAS bukan sahaja komited dalam penyediaan kemudahan fizikal yang kondusif, tetapi jauh lebih penting anak di luar bandar mendapat peluang pendidikan awal yang berkualiti sama seperti dinikmati oleh anak-anak yang berada di bandar," katanya.



Mohd Hanafiah Man

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KEMAS CONDUCTS STUDY TO UPGRADE, REHABILITATE KINDIES NATIONWIDE

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 28 JAN 2025

M/SURAT : 15

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Kemas conducts study to upgrade, rehabilitate kindies nationwide

PUTRAJAYA: The Community Development Department (Kemas) is conducting a comprehensive study on upgrading and rehabilitating its kindergartens nationwide.

Director-general Datuk Mohd Hanafiah Man said the study aligns with the directive from Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is also Rural and Regional Development Minister, instructing the department to

prepare a memorandum on the matter to the Cabinet.

He added that the study would cover physical improvements taking into account policy aspects such as land ownership, the status of publicly shared buildings, particularly community halls, and methods for obtaining suitable commercial buildings to be converted into Kemas kindergartens.

"We aim to propose a holistic solution to ensure early

childhood education, especially in rural areas, that is better organised and secure," he said in a statement.

Mohd Hanafiah emphasised the need to prioritise electricity and water supply in remote areas, which would involve examining government initiatives, such as the use of solar panels, rainwater harvesting tanks, or groundwater systems, to effectively address these basic needs. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : POLIS KESAN SUSPEK

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 28 JAN 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

VIDEO SUAMI TAMPAR ISTERI *Polis kesan suspek*

Selangor: Tindakan seorang lelaki menampar isterinya membawa padah selepas perlakuannya itu secara tidak sengaja dirakam dalam satu rakaman video langsung di media sosial.

Ketua Polis Daerah Sepang Asisten Komisioner Norhizam Bahaman berkata, pihaknya mengesan individu terbabit dan kes dipercayai berlaku di pusat beli-belah di sekitar Kota Warisan, di sini, baru-baru ini.

“Kami menerima laporan daripada adik kepada wanita ditampar dalam video berkenaan. Pengadu mengesahkan, individu dipukul adalah kakak kandungnya berusia 35 tahun.

“Manakala lelaki yang terbabit memukul mangsa

warga tempatan berusia 50-an yang juga suami wanita itu,” katanya pada kenyataan, semalam.

Menurutnya, polis dalam proses merakam keterangan saksi dan kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksanan/Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes itu boleh menyalurkankannya kepada Pegawai Penyiasat Asisten Superintendan Mahafiz Mat Lawi di talian [010-2396533](tel:010-2396533).

Terdahulu, tular satu rakaman video berdurasi 29 saat memaparkan seorang wanita ditampar lelaki di khalayak ramai ketika dia berjalan keluar dari sebuah pusat beli belah.

“Kami menerima laporan daripada adik kepada wanita ditampar dalam video berkenaan. Pengadu mengesahkan, individu dipukul adalah kakak kandungnya berusia 35 tahun”

*Ketua Polis Daerah Sepang,
Asisten Komisioner Norhizam Bahaman*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FARMER GETS 5 YEARS FOR SEXUAL ASSAULT

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 28 JAN 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

INVOLVING A MINOR

Farmer gets 5 years for sexual assault

MUAR: A 56-year-old oil palm farmer was sentenced to five years in prison yesterday for sexually assaulting a 14-year-old student last week.

After the sentence was delivered by Sessions Court judge Sayani Mohd Nor, Mohd Sanif Hashim turned to his wife and told her to take good care of their children. He then hugged his son and kissed his wife.

Earlier, he pleaded guilty to the charges under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a penalty of up to 20 years in prison and can include caning.

He was accused of sexually assaulting the minor between 5.48pm and 6pm at a basketball court in Batu Pahat on Jan 21.

The court heard that the victim was seated at the side of the basketball court while her two younger siblings were playing.

Sanif was said to have approached her and started a conversation before committing the offence. The victim informed her family, who lodged a police report.

Sanif was arrested later at 8.30pm.

The court also ordered him to undergo a year's police supervision following his release.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jenazah bayi disorok dalam beg sudah dituntut keluarga – Polis

Oleh NOR ANNA HAMZAH 27 Januari 2025, 6:24 pm



Gambar hiasan

PORT DICKSON – Polis akan membuat permohonan lanjut reman ke atas pasangan kekasih yang ditangkap sebelum ini kerana dipercayai menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian kepada bayi tersebut.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Maslan Udin berkata, suspek sebelum ini telah direman selama tujuh hari bermula 22 Januari lalu sehingga esok bagi disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Esok kita akan mohon sambung reman di Mahkamah Majistret Port Dickson. Manakala, jenazah bayi berkenaan sudah pun diserahkan kepada keluarga suspek perempuan untuk dikebumikan.

“Penyerahan dilakukan selepas bedah siasat selesai dan jenazah telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Taman Intan Perdana, Telok Kemang,” katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Pada 22 Januari lalu, media melaporkan sepasang kekasih masing-masing berusia 18 tahun dan 21 tahun ditangkap polis di dua lokasi berasingan di daerah ini malam semalam selepas dipercayai menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian kepada bayi tersebut.

Maslan berkata, tangkapan dibuat berikutan pihaknya telah menerima panggilan kecemasan daripada Hospital Port Dickson berkenaan maklumat seorang pesakit perempuan tempatan telah melahirkan anak tetapi bayi tersebut gagal dikesan kira-kira pukul 11.13 pagi.

Siasatan lanjut yang dijalankan oleh pihak polis telah menemui bayi tersebut yang disembunyikan dalam beg di sebuah bilik di Taman Intan Perdana, Telok Kemang. –

KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penganggur didenda RM3,500 rakam video wanita tukar pakaian

27 Januari 2025 03:19pm



Seorang lelaki didenda RM3,500 oleh Mahkamah Majistret di Kuala Lumpur pada Isnin selepas mengaku bersalah mengabaikan kehormatan seorang wanita warga Indonesia dengan merakam video mangsa yang sedang menukar pakaian di bilik persalinan sebuah kedai barangan sukan, Jumaat lepas. Gambar hiasan

KUALA LUMPUR - Seorang lelaki didenda RM3,500 oleh Mahkamah Majistret di sini pada Isnin selepas mengaku bersalah mengabaikan kehormatan seorang wanita warga Indonesia dengan merakam video mangsa yang sedang menukar pakaian di bilik persalinan sebuah kedai barangan sukan, Jumaat lepas.

Majistret Aina Azahra Arifin turut mengarahkan Wan Muhammad Haziq Danial Wan Ali, 24, dihukum penjara enam bulan jika gagal membayar denda.

Lelaki itu didakwa melakukan perbuatan itu di premis berkenaan yang terletak di sebuah pusat beli-belah di sini pada 9.20 malam, 25 Januari lepas.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara lima tahun atau didenda atau kedua-duanya.

Terdahulu, lelaki itu yang tidak diwakili peguam memohon hukuman denda minimum atas alasan tidak bekerja dan perlu menanggung keluarga namun Timbalan Pendakwa Raya Hench Goh mencadangkan hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran dengan mengambil kira faktor kepentingan awam. - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAN ALLEGEDLY RAPED, THREATENED TO KILL STEPDAUGHTER

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 28 JAN 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man allegedly raped, threatened to kill stepdaughter

By **SANDRA SOKIAL**
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Police have detained a 32-year-old illegal immigrant in Sabah's southern Kalabakan district for allegedly raping his nine-year-old stepdaughter.

Tawau district police chief Asst Comm Jasmin Hussin said the victim had been under the sus-

pect's care since his divorce from his wife, who is in her 30s.

He said the young girl told her mother about the incident, which happened several months ago, when the latter visited their house on Jan 20.

This prompted the mother to file a police report five days later at the Kalabakan police station at 10.15am.

Reacting to the report, a team of

policemen was immediately dispatched to arrest the suspect last Saturday.

"Initial investigations revealed that the mother had delayed reporting the incident to the police after her ex-husband threatened to harm and kill the child if she complained," said ACP Jasmin.

He said the suspect is currently in police custody under Section

376(1) of the Penal Code for rape, which carries a jail term of up to 20 years and canning, if convicted.

"I urge the public to remain vigilant about domestic violence and child abuse.

"Report to the police immediately so appropriate action can be taken against the offender.

"Your action can save lives," he said.